

04/06/2000

Arah tuju k-ekonomi masih samar-samar

Ismail Hashim

K-EKONOMI atau ekonomi berasaskan pengetahuan menjadi ungka-pan paling banyak disebut di akhbar dan media elektronik kebelakangan ini. Secara ringkas k-ekonomi dikaitkan dengan teknologi komputer dan Internet yang dikatakan mewujudkan ekonomi baru dan tidak dibatasi oleh halangan ekonomi industri yang lama.

Cara baru menjalankan perniagaan dan penyusunan tempat kerja sedang mewujudkan kemungkinan yang tidak dibayangkan sedekad lalu dan menjadi lebih anjal dengan penggunaan komputer.

Kesannya syarikat dan pekerja menjadi lebih produktif dan pengeluaran keseluruhan ekonomi berkembang pesat daripada apa yang dapat dilakukan sedekad lalu.

Justeru, ekonomi baru dikatakan dapat merendahkan kadar pengangguran. Ekonomi Baru dengan pesat sedang memacu negara dan dunia ke dalam era kemakmuran baru yang mungkin tiada kesudahan.

K-ekonomi berdiri di atas empat faktor: pertama modal intelektual (menjadikan idea dan pemikiran sebagai modal bukan lagi tanah, modal dan buruh) kedua teknologi maklumat dan komunikasi (gabungan bidang penyiaran dan telekomunikasi serta multimedia), ketiga globalisasi dan akhir sekali ekonomi maklumat.

Secara ringkas k-ekonomi adalah pendekatan yang menggunakan pengetahuan dan maklumat untuk meningkatkan aktiviti ekonomi seperti pengeluaran barangan, penyelidikan dan pemasaran.

Antara yang awal memperkatakan mengenai Ekonomi Baru ialah pakar perunding pengurusan iaitu Peter Drucker. Seseengah orang mengenalinya sebagai Mahaguru Ekonomi Baru. Sekarang dengan usia menjangkau 90 tahun, beliau adalah cendekiawan yang menciptakan frasa "kerja pengetahuan" (knowledge work) dan menjadi perunding kepada banyak perbadanan.

Lebih kurang enam tahun lalu sebelum perkataan k-ekonomi disebut apatah lagi dikenali di Malaysia, Drucker menghasilkan sebuah buku bertajuk Post-Capitalist Society (sudah diterjemahkan oleh DBP).

Drucker dalam buku itu mengisahkan mengenai latar sejarah yang membawa kepada wujudnya pekerja pengetahuan dan bermula apa yang kita fahami kini sebagai kerja pengetahuan. Beliau menjelaskan sejauh manakah kepentingan pekerja pengetahuan daripada pekerja pengeluaran. Sehubungan itu, sekitar Januari lalu dalam temu bual dengan akhbar kewangan, Wall Street Journal, Drucker mengisahkan mengenai bagaimana ekonomi berasaskan Internet merubah ekonomi industri dan perkhidmatan yang lama.

Kepada Drucker, teknologi tinggi bermakna syarikat dengan mudah dapat mengikuti maklumat dari minit ke minit mengenai penjualan dan pengeluaran dan tidak perlu mengekalkan inventori yang besar dan mahal. Pada masa yang sama, teknologi tinggi menjadikan perniagaan sejagat lebih mudah dikendalikan daripada sebelumnya dengan keputusan menakjubkan.

Sebagai contoh, Drucker menyatakan: "Pasaran sejagat yang semakin berkembang pada kadar dua kali ganda daripada kadar pasaran dalaman (domestik), menambahkan tekanan bagi pemotongan kos, oleh itu mewujudkan kekayaan untuk masyarakat secara amnya dalam sebuah tempat pemasaran yang telus, apabila setiap orang mengetahui harga setiap orang lain, harga semua benda akan menurun. Bayangkan betapa besar keadaannya:

Selain menyebabkan harganya meningkat, pertumbuhan ekonomi sebenarnya memacunya supaya menurun. Selain itu ada beberapa artikel asas untuk k-ekonomi seperti yang ditulis oleh Roger G Noll dalam abstrak kepada The

Knowledge Economy: The Nature of Information in the 21st Century di bawah tajuk The Economies of Information: A User's Guide di mana beliau berkata ekonomi maklumat masih baru, perkembangan bidang penyelidikan yang berhubungan dengan bagaimana individu menghasilkan, memindah dan menggunakan pengetahuan dan idea.

Selain itu, sumber asas kepada ekonomi pengetahuan dapat dirujuk kepada artikel yang ditulis oleh Paul Romer dari University of California bertajuk Endogenous Technical Change dalam Journal of Political Economy (1990) dan Are Nonconvexities for Understanding Growth? dalam American Economic Review (1990); kerja-kerja lain dilakukan Maurice Scott dari Oxford University Press, (1989) melalui bukunya bertajuk A New View of Economic Growth dan beberapa artikel.

Pada masa ini sudah banyak buku dari Barat memperkatakan mengenai mencari kekayaan baru dan penggunaan modal intelektual dijual di pasaran.

Majalah Wired misalnya mempunyai kamus khusus mengenai ekonomi baru dalam laman webnya.

Oleh itu dapat disimpulkan kebanyakan perbincangan mengenai era ekonomi baru berdasarkan kepada dakwaan mengenai keajaiban teknologi baru. Ketara sekali teknologi komputer dan Internet membenarkan kita melakukan banyak perkara yang tidak mungkin kita lakukan dulu.

Apa yang menjadi tanda tanya sekarang ialah tidak timbul banyak perdebatan mahupun perbincangan mengenai sejauh manakah k-ekonomi memberikan kemanfaatan kepada rakyat. Apakah perbincangan masih pada peringkat dasar?

Lebih membimbangkan apabila arah aliran di dunia sekarang sedang menuju ke arah penggabungan dan terkini sekali ialah rancangan penggabungan yang membabitkan Bursa Saham London dan Frankfurt. Tentulah rancangan penggabungan syarikat besar ini akan mempengaruhi pasaran dunia.

Dalam hubungan dengan k-ekonomi, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu mengenai pembentukan suatu pelan induk yang akan membawa Malaysia beralih dari ekonomi berasaskan pengeluaran seperti sekarang kepada ekonomi berasaskan pengetahuan yang dijangka siap dalam 18 bulan.

Adalah penting untuk negara mempunyai banyak alternatif dalam berhadapan dengan dunia serba mencabar dan penuh dengan kecelaruan. Selain daripada ekonomi konvensional, kita perlukan sistem ekonomi baru dan sistem ekonomi Islam yang walaupun bukan tergolong dalam sistem arus perdana tetapi harus berjalan beriring dengannya.

Ketua Eksekutif MIMOS Bhd, Tengku Azzman Mohd Shariffadeen berkata dalam k-ekonomi harus ada input material, intelektual dan kerohanian sebagai aspek yang dapat disepadukan bagi memastikan kejayaan menyeluruh.

Seperti Dasar Ekonomi Baru atau rancangan pembangunan yang lain, k-ekonomi juga harus memberikan penumpuan membantu rakyat miskin supaya dapat merapatkan jurang kaya dan miskin antara rakyat.

Di samping itu k-ekonomi diharap dapat merapatkan jurang kaya dan miskin maklumat. Di Malaysia, kata Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah ada 778,000 pelanggan Internet pada 1999. Ini bermakna daripada 22 juta penduduk sekitar 3.5 peratus saja pelanggan Internet. Bahkan kadar pelayar Internet cuma 5 peratus. Bagaimanapun, penggunaan masih tertumpu di beberapa kawasan bandar seperti Lembah Klang (56 peratus), Pulau Pinang (14 peratus), Johor Bahru (11 peratus), Kuantan (5 peratus) dan masing-masing 7 peratus di Kuching dan Kota Kinabalu.

Ini berbeza dengan Amerika di mana setiap seorang daripada tiga warganya menggunakan Internet. Ini tidak dikira kedudukan penggunaan Internet di negara Dunia Ketiga lain yang sudah tentu jauh ketinggalan daripada negara kita. Soalan lain yang penting yang perlu ditanya oleh rakyat Malaysia bahkan ditimbulkan debat dalam media massa mengenai Revolusi Pengetahuan

ialah ilmu pengetahuan untuk siapa? Siapa yang menghasilkan, menguasai dan memiliki kandungan pengetahuan itu?

Untuk kemanfaatan siapa? Adakah pengetahuan yang dimaksudkan itu boleh meningkatkan kehidupan manusia yang sedia melarat? Gembur-gembur mengenai Internet dan gabungan pengkomputeran dengan komunikasi membawa ramai mempercayai revolusi sebenar sedang berlaku dalam pemikiran dan kehidupan. Tetapi struktur politik korporat yang menguasai Revolusi Pengetahuan adalah yang sama juga menguasai Revolusi Perindustrian.

Kita tidak mahu negara kaya di Utara saja yang membolot dan menguasainya. Tidak berapa lama dulu Malaysia menjadi tuan rumah kepada Persidangan Pengetahuan Sejagat, yang dihadiri kira-kira 1,200 pakar, pembuat dasar dan pertubuhan bukan kerajaan bagi membincangkan kesan era maklumat ke atas masyarakat.

Tema utama yang diperdebatkan ialah sama ada negara sedang membangun dapat mengejar kepesatan teknologi maklumat atau akan ketinggalan ke belakang.

Dalam persidangan itu, Dr Mahathir melahirkan kebimbangan korporat besar di negara Utara akan mengambil kesempatan daripada perdagangan elektronik dan ini akan merugikan firma kecil daripada negara Selatan yang kehilangan kegiatan dan perniagaan pemasaran dan pengedaran, sementara kerajaan di negara sedang membangun akan mengalami kekurangan pendapatan daripada cukai.

Beliau menimbulkan keprihatinan penggabungan yang mengambil tempat antara korporat besar, kuasa oligopoli akan mewujudkan satu monopoli tunggal.

Firma di negara sedang membangun tentu tidak dapat bertahan.

Persoalan mengenai capaian, pemberian kuasa dan pengawasan, kesan daripada pensejagatan dan persaingan tidak adil antara negara Utara dan Selatan perlu menjadi agenda perbincangan kerana ia berkaitan dengan k-ekonomi. Adakah pengenalan teknologi bertenaga menjadi mereka yang kuat semakin berkuasa, dengan yang lemah ketinggalan ke belakang? Dapatkah ini diatasi?

Sistem pengetahuan, kepercayaan, budaya dan pandangan budaya mereka akan dicabar, bahkan diancam oleh mesej dan imej yang disalurkan melalui medium IT yang berkuasa.

Masalahnya ialah pembuat keputusan dalam bidang ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) terutama dikuasai korporat media dan komunikasi yang besar dan berasal dari negara maju.

Banyak keputusan penting yang menjejaskan IT yang diambil oleh institusi sejagat atau di Utara dengan pembabitan minimum daripada negara sedang membangun.

Contohnya nama domain (seperti .com) dan nombor protokol Internet (yang diperlukan untuk setiap pengguna Internet memperolehnya) dikeluarkan oleh syarikat berpusat di Amerika Syarikat. Ini menimbulkan persoalan mengenai bagaimana capaian kepada Internet harus dikawal oleh sebuah syarikat atau sistem yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa?

Seperkara lagi yang harus diperbetulkan menurut sudut pandangan Selatan ialah istilah pengetahuan itu tidak harus terbatas kepada sistem pengetahuan moden saja. Apakah sistem pengetahuan tradisional yang dimiliki warga Dunia Ketiga (Selatan) tidak sesuai atau relevan kepada masyarakat pengetahuan, ekonomi pengetahuan dan pekerja pengetahuan?

Ini adalah antara beberapa perkara penting yang harus ditekankan apabila kita memperkatakan dan membincangkan mengenai k-ekonomi.

(END)